

NO SOALAN :71**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah susulan terhadap sebuah syarikat, Climate Protector Sdn Bhd, yang disenaraikan sebagai terlibat dengan perkhidmatan kewangan yang tidak menepati undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah dan akan terus menyenaraikan sesbuah syarikat di bawah "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan (SPSPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM jika didapati

bahawa syarikat tersebut menjalankan skim-skim haram. Susulan daripada itu, BNM akan terus memantau secara dekat, meneliti serta mengumpul maklumat berkenaan syarikat tersebut. Jika terdapat kemungkinan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh BNM atau agensi penguatkuasaan lain, tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian akan diambil terhadap syarikat tersebut atau maklumat akan dikongsi dengan agensi penguatkuasaan lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 72

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam melaksanakan penggunaan jenis huruf nombor plat kenderaan yang seragam memandangkan kini pelbagai jenis nombor plat kenderaan yang tidak mengikut piawaian digunakan; dan
- (b) apakah tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap pemilik kenderaan sekiranya tidak mempamerkan nombor plat kenderaan yang mengikut piawaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk melaksanakan penyeragaman plat nombor pendaftaran melalui kawalan spesifikasi plat mengikut standard yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Kaedah-Kaedah di bawahnya. Langkah ini bertujuan untuk menangani isu kepelbagaian plat yang tidak seragam sehingga tidak dapat dibaca selain kegiatan pemalsuan plat yang menyukarkan penguatkuasaan undang-undang.

Cadangan penyeragaman plat ini sedang dikaji secara terperinci dengan mengambil kira kepentingan pemilik kenderaan sebagai pengguna dan industri pembuat plat sedia ada. Pihak Kementerian juga akan mengadakan sesi *engagement* dengan pihak-pihak berkepentingan sebelum memuktamadkan pelaksanaan tersebut bagi membolehkan semua aspek diambil kira sebelum cadangan ini dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua

Tindakan undang-undang akan diambil di bawah Seksyen 14 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 sekiranya tidak mempamerkan nombor pendaftaran kenderaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sekiranya disabitkan kesalahan bagi pertuduhan ini, denda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada tiga ribu ringgit akan dikenakan.